

USTAZ MOHAMAD KORI JUSOH DILANTIK SEBAGAI PENGARAH DQ YANG BAHARU

Pada 6 Januari 2020 telah berlangsungnya penyampaian nota serah tugas serta sesi taklimat berkenaan aktiviti-aktiviti DQ kepada Pengarah yang baharu, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh. Sesi taklimat yang diadakan di Bilik Mesyuarat ILIM ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Kanan ILIM, Dr. Haji Nordin bin Ahmad yang juga merupakan mantan Pengarah DQ. Semua ketua-ketua cawangan dan unit di DQ telah hadir bagi menyampaikan taklimat berkenaan cawangan masing-masing.

Profil Pengarah Darul Quran

Nama Penuh : Mohamad Kori bin Jusoh

Tarikh Lahir : 13 April 1966

Negeri Kelahiran : Kedah

Status Perkahwinan : Berkahwin dan mempunyai lima orang anak.


Latar Belakang Pendidikan :

- Ijazah Sarjana Universiti Islam Negeri Ar-Raniry, Aceh
- Ijazah Sarjana Muda Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- STPM – Kolej Islam Klang
- SPM – Maktab Mahmud, Alor Setar

Pengalaman Bertugas:

- 1992-1997 : Bahagian Sumber Am/Wakaf, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- 1998-1999 : Bahagian Perkahwinan & Pembangunan Keluarga (Unit Kaunseling Keluarga) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- 2000-2004 : Bahagian Perkahwinan & Pembangunan Keluarga (Unit Nikah Cerai dan Rujuk Orang Islam) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- 2004-2010 : Pejabat Penasihat Undang-Undang JAKIM
- 2010 : Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- 2011-2013 : Bahagian Perkahwinan & Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- 2013-2014 : Bahagian Perhubungan Awam Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- 2014-2015 : Cawangan Integriti, Ibu Pejabat KASTAM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- 2015-2016 : Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM
- 2016-2017 : Bahagian Hab Halal JAKIM

- 2017-2018 : Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- 2018-2020 : Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan & Pendakwaan Syariah JAKIM
- 2020-Sekarang : DARUL QURAN JAKIM



PERHIMPUNAN BULANAN KAKITANGAN DQ & SESI TAARUF PENGARAH BAHARU

Sebagai pencetus semangat bekerja bagi tahun 2020, DQ telah mengadakan perhimpunan bulanan yang melibatkan semua pegawai dan kakitangan DQ. Perhimpunan yang diadakan pada 10 Januari 2020 ini diadakan bersekali dengan sesi taaruf Pengarah DQ yang baharu, Ustaz Mohamad Kori Jusoh memandangkan beliau baru sahaja bertugas di DQ pada hari yang kelima.

Agenda perhimpunan dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, JAKIM dan Darul Quran. Diikuti dengan tayangan slide para pensyarah DQ yang telah bersara pada tahun 2019 dan awal tahun 2020 iaitu Ustaz Ab Malek Ab Manaf serta Ustazah Aizah Zamellah Abdullah Tahir. Pendaftar, Encik Azizuddin Mohd Hashim telah menyampaikan ucapan aluan berkenaan dengan maklumat kejayaan pelaksanaan program-program DQ bagi tahun 2019. Disusuli dengan acara kemuncak perhimpunan ini iaitu amanat daripada Pengarah.

Dalam amanatnya beliau telah menekankan dua perkara penting yang perlu diamalkan oleh semua tenaga kerja DQ iaitu berkenaan amalan kerja berpasukan serta pematuhan peraturan-peraturan penjawat awam. *“Sebagai Pengarah yang baharu di sini, saya amat mengharapkan kerjasama daripada semua tenaga kerja yang ada di Darul Quran. Kalau kita umpamakan seperti permainan bola sepak, tidak mungkin seorang penyerang itu dapat menjaringkan gol tanpa hantaran bola daripada pemain-pemain yang lain. Begitulah juga dengan saya. Tidak mungkin saya dapat menjalankan tugas dengan baik di sini tanpa tuan puan yang sentiasa memberikan sokongan kepada saya”,* menurut beliau.







ORANG ASLI, OKU BUTA DAN PRIBUMI SABAH SARAWAK JADI PELAJAR DQ

Seramai tujuh daripada 32 permohonan calon pelajar Program Sijil Asas Tahfiz telah berjaya terpilih untuk mengikuti program ini bagi tahun 2020. Tujuh orang pelajar ini telah diraikan dalam Majlis Sambutan Pelajar Baharu yang diadakan pada 14 Januari 2020. Majlis yang diadakan di Auditorium Syeikh Mohd Noor Darul Quran ini telah disempurnakan perasmianya oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh.

Dalam ucapan perasmianya beliau berkata: *"Program Sijil Asas Tahfiz ini selain dilihat sebagai pemeraksanaan program-program pengajian di DQ, sebenarnya secara tidak langsung ianya merupakan suatu tanggungjawab sosial yang dilaksanakan oleh DQ bagi memastikan semua lapisan umat Islam di Malaysia berpeluang untuk menghafaz al-Quran, sesuai dengan slogan Rahmatan Lil 'Alamin yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama)."*

Program Sijil Asas Tahfiz ini merupakan salah satu daripada beberapa program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran. Ianya dijalankan mengikut sistem semester iaitu selama dua semester. Pelajar diwajibkan menghafaz sebanyak 10 juzu' al-Quran dalam tempoh pengajian tersebut di samping mereka perlu belajar subjek-subjek yang lain seperti Tajwid, Bahasa Arab, Fiqh, Tafsir, Aqidah serta Al-Quran Braille bagi pelajar OKU Buta.

Program ini juga merupakan penjemaaan semula kepada Program Pensijilan Tahfiz OKUMP (Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan) yang telah dijalankan oleh DQ sejak tahun 2008. Bermula pada tahun 2017, program ini telah dikembangkan kepada beberapa kategori khas yang lain iaitu kategori OKU Buta, kategori Muallaf atau "Saudara Baharu", kategori etnik Orang Asli, etnik Pribumi Sabah dan Sarawak serta pelajar luar negara minoriti Muslim.





TRANSKEM PELAJAR SIJIL ASAS TAHFIZ 2020

Seramai tujuh orang pelajar Program Sijil Asas Tahfiz (SAT) Tahun 2020 telah berjaya mengikuti program Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM) bermula pada 14 hingga 15 Januari 2020, sejeurus selepas Majlis Sambutan Pelajar Baharu.

Antara isi kandungan program termasuklah suai kenal pelajar SAT dengan Darul Quran serta penekanan terhadap aspek asas yang perlu ada pada setiap pelajar SAT.

Program yang dikelola oleh Unit Pembangunan Sahsiah & Disiplin, Cawangan Hal Ehwal Pelajar ini telah disempurnakan perasmian penutupannya oleh Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Haji Mohd Nazri Abdullah.

Terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini secara langsung mahupun tidak langsung.





KUNJUNG HORMAT KE PEJABAT PEGAWAI DAERAH HULU SELANGOR

Berikutan lantikan Pengarah DQ yang baharu, Ustaz Mohamad Kori Jusoh bersama Timbalan Pengarah Akademik, Haji Salahuddin Haji Ghozali dan Pendaftar, Encik Azizuddin Mohd Hashim telah mengambil kesempatan untuk berkunjung ke pejabat Pegawai Tanah Daerah Hulu Selangor, Tuan Haji Musa Ranli pada 24 Januari 2020.

Tujuan utama kunjung hormat ini diadakan adalah untuk meneruskan hubungan silaturahim yang baik antara Pengarah DQ dengan Tuan Pegawai Daerah. Mengambil kesempatan melalui pertemuan ini, kedua pihak turut membincangkan beberapa perkara lain yang berkaitan.

Delegasi DQ juga bertuah kerana ketika sesi perbincangan berlangsung, para pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor turut menyambut ulangtahun kelahiran Tuan Pegawai Daerah yang jatuh pada 25 Januari. Pengarah DQ telah dipelawa untuk membacakan doa selamat.

Diharapkan semoga hubungan baik antara DQ dengan Tuan Pegawai Daerah ini bakal membuahkan sesuatu yang positif khususnya kepada DQ sendiri.







DQ ANJUR KURSUS PRA PERKAHWINAN

Kursus Pra Perkahwinan anjuran bersama Persatuan Kebajikan Pelajar Maahad Tahfiz (PERKEMAT) Darul Quran dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah dilaksanakan dengan jayanya di Darul Quran pada 1 dan 2 Februari 2020. Kursus ini mengikut Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kursus ini diurus setiakan oleh semua pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran, Syukbah Hadith dan Qiraat, Semester 4 sebagai penilaian akademik bagi memenuhi keperluan serta tugas Kursus MPU 2312 Kekeluargaan Islam.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dalam mempraktik dan menguasai ilmu kekeluargaan Islam di samping memberi pengalaman kepada mereka berkaitan proses-proses dalam kursus pra perkahwinan. Selain itu, program ini dapat menerapkan sahsiah unggul dan nilai murni melalui penglibatan dalam latihan, pengurusan, komunikasi serta mengeratkan silaturrahim antara para peserta melalui penilaian dalam tugas berkumpulan. Program ini juga dapat memberi penghayatan dan kesedaran berkaitan isu-isu kekeluargaan dalam Islam.

Seramai 135 orang telah mendaftar sebagai peserta kursus ini yang terdiri dari kalangan pelajar Program Diploma dan Ijazah Darul Quran. Kursus selama dua hari tersebut menampilkan beberapa orang penceramah yang bertauliah. Antaranya Ustaz Mohd Khairi Md Zainal, Pegawai Hal Ehwal Islam Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor dengan tajuk ceramahnya Prosedur Perkahwinan. Slot kedua diteruskan oleh Ustaz Lukmanulhakim Abd Ghani, guru Sekolah Kebangsaan Seksyen 24, Shah Alam dengan tajuk Tasawwur Islam. Seterusnya, ceramah ketiga disampaikan oleh Ustaz Norfahmi Muhamad, Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Rujuk, Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor dengan tajuk Tanggungjawab dan Komunikasi Suami Isteri. Slot berikutnya adalah berkaitan Pengurusan Kewangan yang telah disampaikan oleh Ustaz Farouk Faisal Anuar, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Masjid Perodua.

Kursus Pra Perkahwinan Islam bersambung pada hari kedua dengan tiga slot lagi iaitu ceramah bertajuk Pembubaran Perkahwinan yang telah disampaikan oleh Ustazah Nik Suhaila Nik Hussin, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Undang-undang Keluarga JAIS. Ceramah berikutnya berkisar Pengurusan Stres dan Konflik yang menampilkan Ustaz Zulkhairi Jaid, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Daerah Gombak sebagai tenaga penceramah. Akhir sekali pengisian berkaitan Pengurusan Kesihatan yang telah

disampaikan oleh Encik Muhammad Nazman Mat Saad, Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Selangor.

Majlis penutup kursus dan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik Darul Quran, Haji Salahuddin Haji Ghozali yang mewakili Pengarah. Turut hadir ialah Ustaz Muhammed Shouib Awalludin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Bahagian Undang-undang Keluarga Islam JAIS merangkap pemantau sepanjang kursus ini berlangsung.



237 PELAJAR TERIMA SIJIL KHATAM HAFAZAN DARUL QURAN

Seramai 237 orang pelajar Semester 6 Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat telah menerima Sijil Khatam Hafazan Al-Quran Darul Quran JAKIM. Penganugerahan Sijil Khatam Hafazan ini telah disampaikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Paimuzi Yahya dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Tahun 2020/1441 yang diadakan pada 8 Februari 2020.

Majlis khatam ini telah dimulakan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah al-Dhuha hingga Surah al-Nas oleh pelajar 124 orang pelajar banin dengan dipimpin oleh para Pensyarah Tasmi' Darul Quran iaitu Ustaz Mohd Fakrurrazi bin Abdullah, Ustaz Mohd Razlan Mohd Bakri dan Ustaz Ahmad Qusairy Mat Zizi.

Seterusnya majlis diteruskan lagi dengan ucapan daripada Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh dan ucapan perasmian daripada Dato' Paimuzi Yahya. Beliau yang dalam ucapan perasmian telah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Darul Quran kerana berjaya mengekalkan tradisi dengan penganjuran majlis khatam ini. Majlis yang bersejarah ini diadakan sebagai pengiktirafan Darul Quran kepada para pelajar yang telah bertungkus lumus mangkhatamkan hafazan 30 juzu'. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah serta menyatakan harapan kepada pelajar-pelajar yang diraikan dalam majlis ini agar menghargai kesungguhan mereka dalam menamatkan hafazan dengan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan hafazan 30 juzu' mereka.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa dan Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan Haji Musa bin Haji Ranli. Dato' Paimuzi Yahya yang diiringi oleh Ustaz Mohamad Kori Jusoh turut menyampaikan anugerah-anugerah kecemerlangan seperti senarai berikut:

1. Anugerah Pensyarah Tasmi' Cemerlang:

- = Ustaz Haji Mohd Nazri bin Abdullah
- = Ustazah Shahidah binti Shuib

2. Anugerah Penulisan Al-Quran Terbaik:

- = Saudara Muhammad Nabil bin Rosli
- = Saudari Syifa' binti Ahmad Najib

3. Anugerah Khas:

- **Kategori “khatam lebih sekali di hadapan guru”:**

- = Saudara Abdurrahman Rao (4 kali khatam)
- = Saudari Nur Hasanatul Fadhillah binti Ma’arof (4 kali khatam)
- = Saudara Muhammad Aiman bin Johari (3 kali khatam)
- = Saudara Mohamad Nasharuddin bin Mohd Nazim (3 kali khatam)
- = Saudara Wan Naim Nasaie bin Wan Azahar (2 kali khatam)
- = Saudari Naqiyatul Khalidah binti Hanafiyah (2 kali khatam)
- = Saudari Ain Irdina binti Aziz (2 kali khatam)
- = Saudari Naeimah binti Mohamad (2 kali khatam)

- **Kategori “ko-kurikulum”**

- = Saudari Nur Hasanatul Fadhillah binti Ma’arof

- **Kategori “OKU Buta”**

- = Saudara Amirudin bin Abdullah

4. Anugerah Pelajar Cemerlang:

- = Saudara Muhammad Aiman bin Johari
- = Saudari Farzanah binti Ahmad Rosdi







WACANA ILMIAH JURNAL DQ

Pada 11 Februari 2020, buat julung kalinya Darul Quran mengadakan program Wacana Ilmiah Jurnal Darul Quran bagi siri yang pertama tahun 2020. Program ini merupakan platform khusus yang dilaksanakan bagi berkongsi hasil penemuan penyelidikan yang dimuatkan dalam Jurnal Darul Quran Bilangan 23 tahun 2019 kepada khalayak khususnya kepada para pelajar serta warga Darul Quran.

Wacana ilmiah ini telah menggariskan tiga objektif utama penganjuran iaitu:

- Membudayakan perkongsian ilmu menerusi pembentangan artikel-artikel ilmiah oleh penulis-penulis yang berwibawa dan pakar dalam bidang;
- Memacu Darul Quran sebagai institusi pendidikan tahfiz yang cemerlang dari segi penyelidikan dan penerbitan karya ilmiah;
- Menyumbang dan menyuntik semangat masyarakat awam untuk memartabatkan ilmu pengetahuan dan mengembangkan wacana pemikiran ke arah pembentukan masyarakat berilmu.

Tajuk-tajuk serta panel-panel yang terlibat dalam program Wacana Ilmiah ini ialah:

- “Intertekstualiti Dalam Hadith Rasulullah” oleh Dr Mohd Zuhdi bin Ismail;
- “Sains Neurologi Dalam Kaedah Dan Teknik Hafazan Al-Quran” oleh Muhammad Toriq bin Yaacob;
- “Konsep Modul Kelompok Bimbingan Dan Kaunseling Berasaskan Teori Rebt Integrasi Tazkiyah An-Nafs Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz JAKIM” oleh Mohd Zaharen bin Md Zahir;
- “Sijil Asas Tahfiz Al-Quran: Transformasi Ke Arah Memartabatkan Pengajian Tahfiz Al-Quran Dalam Kalangan OKU Penglihatan” oleh Siti Nor Azimah Sabaruddin;
- “Al-Quran Dan Penerimaan Kaedah Saintifik Dalam Pembuktian Kes” oleh Muhammad Hazim Ahmad.

Wacana Ilmiah Jurnal Darul Quran bagi siri pertama ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh.



10 IPT SERTAI HARI HUFFAZ SELANGKAH KE MENARA GADING

Sebanyak 10 institusi-institusi pengajian tinggi yang menerima jemputan dari Darul Quran telah hadir bagi menyertai program Hari Huffaz Selangkah Ke Menara Gading. Program yang diadakan pada 13 Februari 2020 ini merupakan penganjuran kali kedua selepas pertama kali diadakan pada tahun 2019. Tujuan utama penganjuran program ini adalah supaya para pelajar DQ khususnya pelajar-pelajar Semester 6 yang bakal menamatkan pengajian tidak lama lagi akan mendapat input-input berkenaan penyambungan pengajian ke peringkat Ijazah. Program ini bukan sahaja mensasarkan para pelajar DQ dari kampus DQ Kuala Kubu sahaja, malah melibatkan para pelajar dari Lokasi Tambahan DQ (LTDQ) iaitu institusi-institusi tahfiz yang berkolaborasi dengan DQ dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran.

Antara pengisian program ini ialah taklimat dan reruai pameran dari 10 IPT yang terlibat dalam program kali ini. 10 IPT tersebut ialah dari UKM, UPSI, USIM, USAS, IIUM, UiTM, UniSHAMS, KUIS, KIAS dan KUIPSAS. Selain taklimat dari 10 IPT tersebut, turut diadakan perkongsian maklumat berkenaan pengajian di Mesir serta Jordan yang disampaikan oleh mantan Pegawai Kedutaan Mesir, Ustaz Abdul Muhaimin Mahmood dan perkongsian tentang pengajian di Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Aceh yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Ridhzuwan Ahmad, Penolong Pengarah Kanan DQ merangkap alumni UIN Ar-Raniry.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori Jusoh. *“Sejajar dengan perkembangan semasa, DQ sentiasa komited memperkasa modul modal insan dengan bekerjasama dengan pakar-pakar akademik dan mengkaji instrumen yang terbaik supaya dapat memberikan sistem pengajaran dan pembelajaran yang terbaik demi memenuhi keperluan masyarakat dan negara. Alhamdulillah, setakat ini pelajar-pelajar huffaz sentiasa menjadi rebutan IPTA dan IPTS dalam meneruskan agenda pendidikan negara dalam melahirkan graduan berpotensi tinggi sama ada pada akhlakanya mahupun kebolehan dalam pelbagai bidang,”* kata beliau dalam ucapan perasmianya.

Kata beliau lagi: *“Selangkah Ke Menara Gading juga merupakan tanda usaha, sokongan dan komitmen DQ dalam mempromosi dan menggalakkan pelajar-pelajar lepasan DQ melanjutkan pengajian di peringkat seterusnya. Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada calon-calon atau pemohon berkomunikasi secara langsung dengan kakitangan IPT dalam memilih tempat pengajian yang sesuai dengan aliran dan keputusan peperiksaan yang bakal diperolehi.”*







MAJLIS PERASMIAN KURSUS RAWATAN ISLAM DARUSSYIFA'-DQ

Pada 13 Februari 2020 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Kursus Rawatan Islam Darussyifa'-Darul Quran yang disempurnakan oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh mewakili Ketua Pengarah JAKIM. Kursus Rawatan Islam ini diadakan dengan kerjasama dari Persatuan Perubatan, Pengubatan & Kebajikan Islam Malaysia Darussyifa'. Turut hadir dalam majlis perasmian ini ialah Pengerusi, Tuan Haji Abdul Rahman Ahmad, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa Darussyifa' Malaysia.

Kursus ini merupakan salah satu daripada tiga Indeks Prestasi Utama (KPI) DQ bagi tahun 2020. Idea pengwujudan program ini bermula sejak tahun 2019 lagi apabila Mantan Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim telah meminta untuk diwujudkan kelas pengubatan Islam di DQ. Matlamatnya supaya para pelajar DQ mampu mengaplikasikan hafazan al-Quran untuk tujuan pengubatan Islam melalui ruqyah syar'iyah di samping ianya menjadi nilai tambah kepada para pelajar.

Seramai 121 orang peserta telah mendaftarkan diri untuk mengambil bahagian dalam kursus ini dan daripada jumlah keseluruhan tersebut, 21 orang daripadanya merupakan kakitangan Darul Quran. Baki lagi 100 orang peserta merupakan para pelajar Darul Quran. Kursus ini akan berjalan sebanyak 90 jam pembelajaran bagi keseluruhan kelas dengan pelaksanaannya diadakan pada setiap hari Sabtu atau Ahad, enam jam sehari bermula pada 14 Mac 2020 sehingga dijangka tamat pada 29 Ogos 2020.

Dalam Majlis Perasmian Kursus Rawatan Islam Darussyifa'-Darul Quran ini turut dilancarkan Kelab Perubatan Islam Darul Quran. Visi kelab ini ialah *"melahirkan generasi al-Quran yang mempunyai kemahiran dalam ilmu pengubatan Islam"*. Sementara misi kelab pula ialah *"membimbing ahli untuk mengaplikasikan ayat-ayat al-Quran dalam ilmu pengubatan Islam mengikut konteks dan cara yang betul"*.







BICARA KEKELUARGAAN ISLAM: MENELUSURI SIRAH PERKAHWINAN RASULULLAH SAW

Bagi memperolehi sebahagian daripada markah penilaian berterusan kursus Kekeluargaan Islam, pelajar Syukbah Syariah Semester Empat Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Darul Quran telah menganjurkan Program Bicara Kekeluargaan Islam yang bertajuk “Menelusuri Sirah Perkahwinan Rasulullah SAW.” Program ini telah diadakan pada 14 Februari 2020 bertempat di Auditorium Darul Quran. Ceramah bicara ini telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Luqman Hakim bin Othman atau lebih dikenali sebagai Da'i Hakim. Beliau merupakan juara rancangan Da'i Pendakwah Nusantara Musim Ke-5 serta merupakan alumni DQ.

Antara tip-tip keluarga bahagia yang dikongsikan oleh Da'i Hakim dalam program bicara ini ialah niat untuk berkahwin hendaklah semata-mata bagi mendapat redha Allah SWT. Selain itu, setiap pasangan mestilah memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai suami atau isteri. Setiap pasangan juga perlu sentiasa menjaga maruah dan kehormatan diri di samping sentiasa menjaga perasaan ahli keluarga.

Empat objektif utama yang digariskan bagi program ini ialah:

- Memberi kefahaman kepada pelajar akan kepentingan kekeluargaan dalam Islam melalui kaedah pembelajaran di luar kelas.
- Mendedahkan para pelajar kepada isu-isu kekeluargaan seperti penceraian, rujuk, talak dan sebagainya.
- Membuka minda pelajar supaya lebih bersedia dengan ilmu agama agar mudah berhadapan dengan masyarakat selaku penghafaz al-Quran.
- Membentuk jiwa penghafaz al-Quran yang cakna dengan isu-isu semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

Program berakhir dengan penyampaian cenderamata kepada Da'i Hakim yang disampaikan oleh Ustazah Shahidah Shuib, Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan sesi bergambar. Turut hadir sama dalam program ini ialah pensyarah-pensyarah kursus Kekeluargaan Islam.





KUNJUNGAN PEGAWAI YAYASAN TAQWA KE DARUL QURAN JAKIM

Kuala Kubu Baharu: Darul Quran JAKIM telah menerima kunjungan tiga orang pegawai Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 20 Februari 2020. Kunjungan ini diadakan adalah sempena pelantikan Pengarah Darul Qur'an yang baru iaitu ustaz Mohamad Kori bin Jusoh. Dalam kunjungan ini juga turut dibincangkan ruang-ruang kerjasama antara Yayasan Taqwa dan Darul Quran JAKIM.

Delegasi Yayasan Taqwa diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya sendiri iaitu Tuan Haji Zabidi Nasan. Hadir bersama ialah Puan Noor Hasma Haron, Pengurus Kewangan serta Cik Nurul Farhana binti Mohd Noor selaku Ketua Unit Pentadbiran & Sumber Manusia Yayasan Taqwa.

Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran sendiri. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah Akademik, Pendaftar, Ketua Seksyen Pentadbiran & Kewangan serta Ketua Seksyen Komunikasi Korporat Darul Quran.



KUNJUNGAN STIU PAMEKASAN INDONESIA KE DQ

Sebagai sebuah institusi tahfiz yang tersohor dalam Negara, Darul Quran sering dikunjungi oleh para tetamu sama ada dari dalam dan luar negara. Pada 20 Februari 2020, DQ telah menerima kunjungan daripada dua orang wakil Sekolah Tinggi Ilmu Ushuluddin (STIU) Al-Mujtama' Pamekasan Indonesia iaitu Dr. Akhmad Rofi'i Damyati dan Ustaz Saari Saat Yusuf. Institusi ini berstatus "Sekolah Tinggi" kerana menjalankan satu bentuk program sahaja selepas peringkat menengah iaitu Ilmu Al-Quran dan Tafsir. Selain itu, STIU ini juga asalnya merupakan sebuah sekolah pondok iaitu Pesantren Al-Mujtama'.

Tujuan kunjungan ini diadakan adalah untuk melihat sistem pengurusan DQ di samping mendapatkan input-input berkenaan metod pembelajaran tahfiz di DQ. Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Pengarah, Ustaz Mohamad Kori Jusoh. Dalam ucapannya, Ustaz Mohamad Kori telah mengalu-alukan kehadiran para pelawat di samping mengucapkan rasa syukur kerana mereka telah selamat sampai ke bumi barakah DQ, Kuala Kubu Bharu. Beliau juga telah menyatakan harapan agar semua urusan Dr. Akhmad Rofi'i Damyati dan Ustaz Saari Saat Yusuf sepanjang berada di Malaysia dipermudahkan oleh Allah.

Para pelawat telah ditayangkan dengan video korporat DQ di samping mereka diberikan taklimat berkenaan DQ. Turut hadir dalam sesi perbincangan ini ialah Timbalan Pengarah Akademik, Ketua Seksyen Kemasukan, Biasiswa & Graduasi, Ketua Unit Muadalah & Akreditasi serta Ketua Seksyen Komunikasi Korporat DQ. Perbincangan antara kedua pihak berakhir dengan sesi pertukaran cenderamata dan sesi bergambar.







SEMAKAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN PELAJAR DIPLOMA

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan saranan Kerajaan untuk “bekerja dari rumah”, DQ telah meminda Bengkel Menanda Skrip Jawapan Peperiksaan Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat yang sepatutnya dijadualkan berlangsung pada 24-26 Mac 2020 bertempat di ILIM Bangi kepada tugas individu setiap pensyarah ketika bertugas di rumah. Biarpun secara rasminya pejabat ditutup, namun beberapa tugas terutama yang melibatkan pelajar selaku pelanggan DQ tetap dilaksanakan dengan jayanya.

Sebanyak 5,286 skrip jawapan pelajar semester dua dan empat sama ada dari DQ mahupun Lokasi Tambahan DQ telah diagihkan kepada seramai 30 orang pensyarah untuk disemak. Skrip-skrip jawapan yang telah disemak ini akan diserahkan kepada Unit Peperiksaan untuk diproses bagi tindakan selanjutnya. Keputusan peperiksaan dijangka akan dikeluarkan pada pertengahan bulan April 2020.







OPS BERSIH

Sebagai langkah kawalan jangkitan virus Covid-19, pada 19 Mac 2020, DQ telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan secara intensif di beberapa kawasan kampus. Tugas pembersihan ini telah dijalankan oleh para pekerja daripada syarikat pembersihan DQ. Antara kawasan yang terlibat ialah kawasan-kawasan tumpuan ramai seperti di kawasan pejabat, Pusat Islam, kafeteria serta kolej kediaman pelajar.

Kerja-kerja pembersihan ini dilaksanakan bagi memastikan bahawa kampus DQ adalah selamat serta bebas jangkitan virus Covid-19. Dengan usaha yang dilaksanakan ini, diharapkan semoga kampus Darul Quran JAKIM Kuala Kubu Bharu khususnya, selamat daripada sebarang jangkitan penyakit berjangkit.



QSR BRANDS TAJA JUADAH BERBUKA PELAJAR DQ

Kuala Kubu Bharu - Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, 30 orang pelajar DQ yang terkandas di kampus telah mendapat tajaan makanan daripada banyak pihak. Bermula daripada sumbangan para pegawai dan mantan pegawai DQ, Persatuan Kebajikan Pegawai Ugama (PKPU) JAKIM, Koperasi DQ sehinggalah daripada pihak-pihak luar.

Antara pihak luar yang turut memberi sumbangan makanan kepada para pelajar ini ialah dari QSR Brands. Pada 5 Mei 2020, QSR Brands telah menaja juadah berbuka puasa Nasi Ayam serta Pizza Hut untuk setiap seorang pelajar. Sumbangan juadah berbuka puasa ini telah disampaikan oleh wakil QSR Brands, Encik Hayazi Darus selaku Pemangku Ketua Jabatan Syariah & Pematuhan Halal QSR Brands (M) Holdings Bhd. Semoga rezeki semua pihak yang telah memberi sumbangan-sumbangan ini diganjar oleh Allah SWT dengan sebaik-baik ganjaran.





PENGHANTARAN PELAJAR PULANG KE KAMPUNG DI MUSIM PKP

KUALA KUBU BHARU – 30 orang pelajar DQ dari Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah DQ-USIM, Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM serta Program Sijil Kemahiran Malaysia telah selamat dihantar pulang ke kampung masing-masing. Proses penghantaran ini telah bermula pada 1 sehingga 15 Mei 2020.

Proses penghantaran pelajar pulang ke kampung pada musim Perintah Kawalan Perkhidmatan (PKP) ini adalah mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Bermula daripada penghantaran senarai nama pelajar ke Majlis Keselamatan Negara, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Kubu Bharu, pengurusan tertinggi JAKIM serta pihak USIM bagi pelajar Ijazah. Diikuti prosedur semasa penghantaran pelajar seperti pemakaian topeng muka, penggunaan cecair pembasmi kuman dan penjagaan penjarakan sosial ketika dalam kenderaan. Para pelajar ini juga perlu melaporkan diri ke Ibu Pejabat Polis berhampiran dengan kawasan kampung apabila selamat tiba serta perlu menjalani kuarantin selama 14 hari di negeri masing-masing.

Untuk rekod, 30 orang pelajar ini telah terkandas di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu sejak PKP Fasa Pertama diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Kebajikan mereka seperti makan minum sepanjang duduk di kampus telah diuruskan dengan rapi oleh Cawangan Hal Ehwal Pelajar Darul Quran. Darul Quran juga merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses penghantaran pelajar pulang ke kampung di musim PKP ini.





SUMBANGAN TABUNG MUSA'ADAH COVID-19

Kuala Kubu Bharu - Petang tadi (19 Mei 2020) telah berlangsungnya penyerahan sumbangan Tabung Musa'adah COVID-19 kepada pekerja-pekerja kontrak Darul Quran. Penerima sumbangan ini melibatkan antaranya seperti para Pensyarah Tasmi' Jemputan, pekerja Syarikat Kawalan Keselamatan, Syarikat Pembersihan, Syarikat Landskap dan Syarikat Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan.

Sumbangan-sumbangan ini telah disampaikan oleh YBr. Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh. Semoga dengan sedikit sumbangan ini dapat membantu para pekerja ini dalam menyambut bulan Syawal yang bakal tiba tidak lama lagi.





KULIAH PELAJAR IJAZAH DQ TELAH BERMULA

Kuliah pengajian bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah DQ-USIM telah mula dijalankan pada 1 Jun 2020. Selaras dengan arahan umum dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta USIM secara khusus menerusi Senat Edaran bertarikh 8 April 2020 telah bersetuju untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi semester ini secara atas talian (online). Ini sebagai langkah keselamatan berikutan Virus Korona yang masih menular dalam Negara.

Kuliah bagi semester ini akan berakhir pada 9 Ogos 2020 selama 10 minggu. Semoga wabak ini segera pulih dan proses pengajaran & pembelajaran dapat dijalankan kembali seperti biasa.





BENGKEL PENGURUSAN KAWALAN RISIKO

Bengkel Pengurusan Kawalan Risiko Darul Quran anjuran Unit Piawaian telah diadakan pada 2-3 Jun 2020 di Dewan Mukhtar Darul Quran. Seramai 10 peserta telah terlibat yang terdiri daripada wakil-wakil cawangan.

Bengkel ini bertujuan untuk mengemaskini dokumen Kawalan Risiko sebagai persiapan Audit Persijilan Semula ISO 9001:2015 & MS 1900:2014. Bengkel selama dua hari ini diselenggarakan oleh penceramah jemputan Pn. Suhaini Hassan dari Mercu Inovasi Training & Consulting.




TAKLIMAT PANEL TEMU DUGA PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU VERSI 'KEBIASAAN BAHARU'

Pada 11 Jun 2020, Seksyen Kemasukan, Biasiswa & Graduasi Darul Quran telah mengadakan sesi taklimat kepada panel-panel Temu Duga Pengambilan Pelajar Baharu Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat bagi sesi 2020-2023 mengikut kebiasaan baharu. Sesi temu duga pada tahun ini telah diputuskan untuk dijalankan secara dalam talian (*online*) bagi memastikan keselamatan calon serta panel daripada jangkitan virus Covid-19 di samping mengekang penularan jangkitan virus tersebut.

Sesi temu duga pada tahun ini akan melibatkan seramai 42 orang panel yang terdiri daripada pegawai Darul Quran. Turut diadakan simulasi sesi temu duga dengan menggunakan aplikasi Google Meet. Taklimat temu duga telah disampaikan oleh Pendaftar, Encik Azizuddin Mohd Hashim, sementara simulasi sesi temu duga telah dibimbing oleh Ketua Unit ICT, Encik Mohamad Zaid Omar.

Sesi temu duga bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat pada tahun ini akan dijalankan bermula dari 15 sehingga 26 Jun 2020.



MESYUARAT KHAS PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN NEGERI
VERSI "KEBIASAAN BAHARU"

Berlangsung pada hari ini (12 Jun 2020) Mesyuarat Khas Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri secara maya di Darul Quran. Mesyuarat khas ini menggantikan Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri yang tidak dapat dijalankan seperti tahun-tahun lepas ekoran jangkitan virus Covid-19.

Ketika ini terdapat 10 buah institusi tahfiz al-Quran negeri seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang bekerjasama dengan DQ dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Menjadi agenda DQ dan 10 buah institusi tahfiz ini untuk bersidang dua kali setahun bagi membincangkan isu-isu berkaitan pelajar-pelajar serta program pengajian mereka.







250 ORANG BAKAL HUFFAZ SELAMAT MENDAFTAR

Biarpun terpaksa ditangguhkan beberapa kali akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan kerajaan bagi mengekang jangkitan virus Covid-19, akhirnya pada 13 Julai 2020, seramai 250 orang pelajar baharu telah berjaya mendaftar masuk ke Darul Quran JAKIM bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat Sesi Pengajian 2020/2023. Bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan, pendaftaran ini telah diadakan tanpa sebarang majlis dan ucapan perasmian. Sesi pendaftaran ini juga hanya boleh dihadiri oleh pelajar baharu sahaja tanpa melibatkan ibu bapa.

Pada pengambilan bagi sesi kali ini, DQ telah menerima sebanyak 2,697 permohonan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,551 orang calon yang layak dipanggil temuduga. Namun, hanya 797 orang calon sahaja yang telah menyertai sesi temuduga yang diadakan secara dalam talian selama lapan hari bermula pada 15 hingga 24 Jun 2020. Daripada 797 orang calon yang telah menghadiri sesi temuduga tadi, hanya 150 orang pelajar banin serta 100 orang pelajar banat sahaja yang berjaya ditawarkan tempat sebagai pelajar Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat sesi 2020/2023. Syabas dan tahniah kepada semua yang telah terpilih.







PENUTUP KURSUS MOBILE JURNALIS DARUL QURAN

12 Ogos 2020 - Hari ini telah selesai Kursus *Mobile Journalist* yang dilaksanakan selama tiga hari dua malam bermula pada 10 Ogos 2020 bertempat di Dewan Mukhtar Darul Quran. Kursus ini telah diurus setiakan oleh Cawangan Hal Ehwal Pelajar melibatkan seramai 20 orang pelajar Darul Quran yang terpilih. Pihak urus setia telah memilih Syarikat Kerincing Production untuk menjadi fasilitator bagi melatih para peserta kursus.

Majlis Perasmian Penutup Kursus telah dirasmikan oleh Dr. Abdul Jalal bin Abdul Manaf selaku Ketua Penolong Pengarah Cawangan Hal Ehwal Pelajar bagi mewakili Pengarah Darul Quran. Dalam ucapannya beliau menyebut: *“Program Mobile Journalist ini merupakan salah satu daripada tiga senarai utama KPI Darul Quran bagi tahun 2020.”*

“Mobile Journalist atau Youtuber adalah merupakan suatu bentuk penceritaan media baharu di mana pengguna peranti elektronik mudah alih seperti telefon pintar dapat mengumpul, menyunting dan seterusnya menyebarkan video-video berkualiti untuk tatapan umum melalui aplikasi-aplikasi di media sosial”, kata beliau lagi.

Semoga DQ terus terkehadapan dan menyaingi arus teknologi semasa.





WALKABOUT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN JAKIM KE DARUL QURAN

13 Ogos 2020 - Bumi barakah Darul Quran amat berbesar hati menerima kunjungan Tuan Haji Ahmad Fuad bin Apandi selaku Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM yang baharu selepas pelantikan beliau pada awal bulan Julai yang lalu. Beliau turun sendiri ke kampus Darul Quran bagi melihat serta mendengar sendiri berkenaan operasi Darul Quran yang merupakan salah satu Bahagian di JAKIM. Turut hadir sama dalam *walkabout* ini ialah pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Kewangan JAKIM.

Antara agenda yang diatur dalam walkabout ini ialah sesi perbincangan antara pengurusan tertinggi Darul Quran bersama Tuan Haji Ahmad Fuad serta rombongan. Taklimat berkenaan operasi serta program-program yang Darul Quran jalankan telah disampaikan. Selepas sesi perbincangan, Tuan Haji Ahmad Fuad telah dibawa untuk meninjau kampus Darul Quran secara lebih dekat.

Program yang bermula pada pukul 10:30 pagi ini telah berakhir sekitar jam 2:00 petang. Dengan kehadiran Tuan Haji Ahmad Fuad ke kampus Darul Quran ini diharapkan agar dapat mengenali Darul Quran dengan lebih dekat seterusnya sedikit sebanyak membantu dalam membuat keputusan-keputusan dalam mesyuarat yang mengaitkan Darul Quran.





PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH HUFFAZ SIRI 4/2020 – NORMA BAHARU **HUFFAZ**

14 Ogos 2020 – Sebagaimana sedia maklum pada tahun 2020 ini dunia telah diserang dengan virus Covid-19. Justeru bagi mengekang penularan wabak ini daripada terus mereka, maka Cawangan Hal Ehwal Pelajar telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Pembangunan Sahsiah Huffaz yang diadakan di Dewan Mukhtar Darul Quran. Program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang kepentingan penjagaan kesihatan dalam norma baharu.

Sasaran program bagi siri ke-4 ini adalah kepada pelajar-pelajar Semester Tiga dan Lima bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-IIUM dan Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat. Sementara para pelajar semester satu telah diberikan taklimat dalam siri-siri sebelum ini. Terima kasih diucapkan kepada pihak Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor khususnya Dr Muaz atas taklimat kesihatan yang telah dikongsikan bersama pelajar-pelajar Darul Quran.





MAJLIS PENGIJAZAHAN PERUBATAN & PENGUBATAN ISLAM DARUSSYIFA' SESI 2020 DAN MAJLIS PENGANUGERAHAN DARUL QURAN JAKIM

3 Oktober 2020 – Seramai 80 graduan sulung Kursus Perawatan Islam Darussyifa'-Darul Quran telah diraikan dalam majlis pengijazahan pada hari ini. Majlis Pengijazahan Perubatan & Pengubatan Islam Darussyifa' Sesi 2020 Dan Majlis Penganugerahan Darul Quran ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Kursus Perawatan Islam Darussyifa'-Darul Quran ini merupakan program yang julung kali diadakan dan merupakan salah satu daripada tiga Indeks Prestasi Utama (KPI) Darul Quran bagi tahun 2020. Objektif Kursus Perubatan & Pengubatan Islam diadakan adalah bertujuan untuk memperluaskan lagi peranan dan kemahiran anak-anak pelajar tahfiz khususnya anak-anak pelajar Darul Quran JAKIM menerusi satu program pengajian jangka pendek dalam bidang perawatan Islam yang berasaskan doa. Selain itu, ia juga merupakan salah satu bentuk nilai tambah dan juga kemahiran baharu buat anak-anak pelajar yang bukan sahaja menghafaz 30 juzuk al-Quran di dalam dada, malah perlu mengamalkannya serta mampu mengubati penyakit-penyakit rohani dan jasmani dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran.

Selain acara pengijazahan, Darul Quran juga mengambil kesempatan dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk mengadakan beberapa lagi acara-acara yang lain seperti:

- penyampaian Anugerah-Anugerah Kecemerlangan Darul Quran;
- penyampaian Sijil ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 bagi Sistem Pengurusan Kualiti serta Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah oleh pihak SIRIM; serta
- pelancaran buku terbitan Darul Quran yang bertajuk: Sejarah & Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Malaysia: Edisi 2.

Turut hadir dalam majlis ini ialah ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Perubatan, Pengubatan Dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa'), Pengerusi Besar Kanan Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan SIRIM QAS International, Encik Mohd Hamim bin Imam Mustain dan penerima anugerah-anugerah kecemerlangan akademik.





SISTEM PENGURUSAN DARUL QURAN JAKIM DIIKTIRAF

3 Oktober 2020 – Darul Quran telah berjaya memperbaharui pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 & MS 1900:2014 (Syariah Compliance) dari SIRIM yang berkuatkuasa sehingga Tahun 2023. Tempoh pensijilan ini berjaya diperbaharui apabila selesai Audit Pensijilan Semula oleh panel SIRIM yang telah diadakan di Darul Quran pada 16-19 Jun 2020 yang lalu. Dalam audit ini Darul Quran telah mendapat keputusan yang memberangsangkan apabila pihak auditor SIRIM melaporkan bahawa 'tiada penemuan ketidakpatuhan' atau Non-conformity Report (NCR) yang dilaporkan.

Untuk rekod, Darul Quran telah menerima Sijil ISO 9001 sejak Tahun 2008 dan Sijil MS 1900 sejak Tahun 2015. Bagi melayakkan sesebuah agensi untuk mendapatkan pengiktirafan ini, beberapa proses perlu dilalui seperti pengemaskinian dokumen kualiti, pelaksanaan Audit Dalaman institusi dan beberapa peringkat audit dari panel luar iaitu Audit Pensijilan Peringkat 1 & 2, Audit Pematuhan serta Audit Pensijilan Semula.

Sijil ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Hamim bin Imam Mustain, Pengerusi Besar Kanan Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan SIRIM QAS International kepada Pengarah Darul Quran, Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh dalam Majlis Pengijazahan Perubatan & Pengubatan Islam Darussyifa' Dan Majlis Penganugerahan Darul Quran JAKIM.

Pengiktirafan ini merupakan suatu usaha yang amat baik yang telah dilaksanakan oleh Darul Quran dan sepatutnya menjadi 'benchmark' atau panduan kepada institusi-institusi tahfiz lain di luar sana supaya institusi al-Quran ini dapat ditonjolkan kehebatannya dari sudut sistem pengurusan berkualiti seterusnya dapat mengangkat imej agensi Islam di mata masyarakat.



AUDIT PEMATUHAN PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT LTDQ
SIRI 2/2020 SECARA DALAM TALIAN

14 Oktober 2020 - Alhamdulillah, tahniah diucapkan kepada Cawangan Kualiti atas inisiatif dalam melaksanakan audit pematuhan bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat kepada Lokasi-lokasi Tambahan Darul Quran di seluruh negara.

Semoga proses audit pematuhan ini berjalan dengan lancar dan beroleh keputusan yang baik.



KARNIVAL BAHASA INGGERIS DAN BAHASA ARAB PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2020

16 Oktober 2020 - Buat pertama kalinya Darul Quran bersama Lokasi Tambahan DQ di seluruh negara mengadakan Karnival Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab bagi tahun 2020 selama empat hari bermula 16 hingga 19 Oktober 2020 (Jumaat-Isnin) secara dalam talian.

Antara acara yang dipertandingkan ialah Pertandingan Nasyid kategori Banin dan Banat, Pertandingan Pidato Bahasa Arab, Pidato Bahasa Inggeris, Pertandingan Debat Bahasa Arab serta Debat Bahasa Inggeris.

Penyertaan pelajar melalui pertandingan-pertandingan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi kemahiran insaniah para pelajar seterusnya meningkatkan keyakinan diri para pelajar dalam berhadapan dengan masyarakat suatu hari nanti.







PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ AL QURAN NEGERI
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-38 SECARA DALAM TALIAN

16 november 2020 - Alhamdulillah, Darul Quran bersama-sama 10 Lokasi Tambahan Darul Quran di seluruh negeri telah selesai mengadakan Persidangan Pengetua-pengetua MTQN Kali Ke-38 secara dalam talian. Dalam Persidangan kali ini Darul Quran telah menjadi tuan rumah (host secara dalam talian) memandangkan penularan wabak Covid-19 semakin membimbangkan.

Pun begitu, Persidangan tetap juga diteruskan mengikut norma baharu. Sebanyak 9 kertas makluman telah dibentangkan pada persidangan kali ini. Semoga wabak Covid-19 ini segera pulih agar segala aktiviti dan program dapat diadakan seperti sediakala. Amin






TAKLIMAT AKADEMIK DARUL QURAN

26 November 2020 - Sebagaimana kelaziman pada setiap kali memulakan semester, Darul Quran akan menyampaikan maklumat-maklumat terkini berkenaan akademik kepada Lokasi-Lokasi Tambahan DQ (LTDQ).

Memandangkan PKPB yang masih berkuatkuasa di kebanyakan negeri, maka sesi taklimat kali ini telah disampaikan secara dalam talian. Seramai 89 orang wakil dari 10 buah LTDQ telah terlibat dalam sesi taklimat pada kali ini.

Majlis pada pagi ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik DQ, Haji Salahuddin Haji Ghazali sementara sesi-sesi taklimat telah disampaikan oleh ketua-ketua unit serta ketua-ketua jabatan dari Cawangan Akademik.





SESI TAKLIMAT DQ KEPADA YB MENTERI

9 Disember 2020 – Darul Quran salah satu daripada tiga Bahagian di bawah Sektor Operasi JAKIM yang diamanahkan untuk menyampaikan taklimat kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) hari ini. Sesi taklimat ini telah diadakan di Pejabat YB Menteri di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Kuala Lumpur.

Sebanyak 14 *slide* pembentangan telah dipersembahkan kepada YB Menteri berkisar tentang operasi semasa DQ serta isu-isu lain yang berkaitan. Beberapa perkara telah diambil perhatian oleh YB Menteri dan beliau juga turut mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan.

Sesi taklimat berakhir sekitar jam 10:45 pagi. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Datuk Abdul Aziz Jusoh.





OBJEKTIF DARUL QURAN



MELAHIRKAN HUFFAZ

Melahirkan *huffaz* (Hafiz & Hafizah) yang mahir dalam pengajian ilmu al-Quran dan pengajian Islam bagi memelihara kesucian al-Quran serta menyelesaikan isu-isu keagamaan dalam masyarakat

MELAHIRKAN QURRA'

Melahirkan *qurra'* (Ahli Qiraat) yang mahir dalam ilmu al-Quran dan al-Qiraat.

MELAHIRKAN DU'AT

Melahirkan *du'at* (Pendakwah, Pendidik dan Imam) sebagai modal insan yang terlatih serta profesional melalui pengajian ilmu al-Quran dan pengajian Islam.